

KENYATAAN MEDIA

02 Oktober 2020

**Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)**
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Nasihat Orang Ramai Beli Kelengkapan Elektrik Yang Diluluskan Dan Mempunyai Label Keselamatan SIRIM-ST

Putrajaya, 02 Oktober – Suruhanjaya Tenaga (ST) menasihati orang ramai agar membeli dan menggunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan oleh ST dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST dilekatkan pada kelengkapan tersebut. Ini adalah kerana kelengkapan elektrik ini telah diuji dan diperiksa keselamatannya mengikut standard yang telah ditetapkan. Justeru itu, ianya adalah lebih selamat untuk digunakan berbanding dengan kelengkapan elektrik yang tidak mempunyai label SIRIM-ST.

Mengenai penyebaran video mesin penapis air berasap yang tular dan menyebabkan kekeliruan kepada orang ramai dalam media sosial baru-baru ini, ST memohon supaya orang ramai tidak bimbang kerana kelengkapan elektrik yang telah diluluskan dan mempunyai label SIRIM-ST telah melalui proses pengujian dan mematuhi semua ciri-ciri keselamatan mengikut standard yang ditetapkan, dimana salah satu ujian yang perlu dilakukan pada penapis air adalah ujian tanpa air. Bagi kelengkapan yang mempunyai label SIRIM-ST, ia perlu lulus semua ujian termasuklah ujian ini. Selain daripada itu, antara ciri-ciri keselamatan yang ada pada mesin penapis air adalah seperti berikut:

- (i) *Self-reset thermal cut out;*
- (ii) *Non self-reset thermal cut out;*
- (iii) *Thermal fuse; dan*
- (iv) *Relays.*

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa peka dan mengambil serius saranan ST untuk hanya menggunakan kelengkapan elektrik yang telah diluluskan dan mempunyai label SIRIM-ST bagi mencegah sebarang kes kemalangan atau kebakaran yang berpunca daripada elektrik yang boleh mengundang kecederaan atau maut.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairullati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/019-3589255 (Azrina)/013 2183778 (Zairullati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairullati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.